

**KAJIAN KEPENTINGAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI  
PENGAJARAN UNTUK SUBJEK SEJARAH DAN TAMADUN DI  
UTeM**  
*(Review of using Teaching Technology for History and Civilizational  
Subjects in UTeM)*

**Nor Azilah Ahmad, Norunnajah Ahmat**

Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Melaka, Malaysia.

Emel: azilahahmad@utem.edu.my

**ABSTRAK**

*Kajian ini membincangkan mengenai kepentingan pembaharuan dunia pengajaran dan pembelajaran (P&P) subjek sejarah & tamadun. Usaha ini memerlukan tindakan yang efektif sebagai daya tarikan pembelajaran untuk generasi kini dan masa hadapan (Mohamad Khairi, 2004). Umumnya, elemen pendidikan terkini perlu merubah pandangan pelajar berkaitan subjek sejarah dan tamadun. Suatu pembaharuan dalam teknik P&P diperlukan dalam kaedah penyampaian pengajarannya sama ada diperingkat sekolah mahupun di Institut pengajian tinggi. Kurikulum pengajian sejarah adalah suatu yang perlu disedari boleh menghasilkan individu yang bersemangat nasional yang tinggi serta berjiwa sayangkan negara yang mereka alami. Subjek ini amat diperlukan bagi melahirkan insan yang seimbang dan cemerlang dari aspek jasmani, rohani, emosi, intelek dan sosial. Justeru itu kajian ini akan mengkaji kepentingan subjek ini serta keperluan penggunaan teknologi pengajaran yang bersesuaian dengan keadaan persekitaran. Usahadan pelaksanaan perubahan dan pembaharuan perlu digarap selaras dengan teknologi termaju serta keadaan persekitaran generasi Y dan Z era kini. Kaedah kajian yang digunakan adalah melibatkan soal selidik dan juga kajian perpustakaan. Dijangkakan kajian ini akan memberikan signifikansi penting dalam menghasilkan perubahan kaedah P&P subjek sejarah dan tamadun khususnya kearah kejayaan konsep pembelajaran abad ke 21.*

**KATA KUNCI:** *kepentingan, teknologi pengajaran, tamadun*

**ABSTRACT**

*This study discusses the importance of reforming the teaching and learning world of history and civilization subjects. This effort requires effective action as a learning attraction for present and future generations. Generally, the current element of education needs to change the views of students on the subject of history and civilization. An innovation in techniques is required in the teaching methodology of either the school or the Institute of higher learning. The curriculum of history studies is a must-see that can produce high-spirited individuals who are highly motivated and passionate about the countries they live in. This subject is needed to produce balanced and brilliant human beings from physical, spiritual, emotional,*

*intellectual and social aspects. Hence, this study will examine the importance of this subject as well as the need for the use of teaching technology that is appropriate to the environment. Efforts and implementation of change and renewal need to be developed in line with the latest technology and the environment of the current Y and Z generation era. The research method used is questionnaire and also library study. It is expected that this study will provide important significance in producing the teaching and learning method of change of history and civilization especially towards the success of the 21st century learning concept.*

**KEYWORDS:** *importance, teaching technology, civilization*

## **1.0 PENGENALAN**

Dunia pengajaran & pembelajaran semakin mencabar selaras dengan perkembangan dunia pendidikan berteraskan Abad ke 21 (Umi Kalthom, 2014). Generasi yang dihadapi kini adalah generasi yang sentiasa menggunakan gajet dalam kehidupan seharian mereka. Gajet juga digunakan sepenuhnya untuk mencari hiburan dan pengetahuan (Mohd Yuszaidy et.al 2017). Keadaan ini akan menyebabkan mereka kurang memberi perhatian dalam aspek pendidikan yang berkaitan dengan sejarah dan juga tamadun. Sedangkan pemahaman berkaitan dengan tamadun dan peradaban adalah suatu perkara penting yang perlu dipenuhi dalam rangka pembangunan karektor global, berkemahiran, berpengetahuan, bermotivasi dan mampu menyelesaikan pelbagai isu.

Pembaharuan teknik P&P ini amat perlu demi kelestarian dan juga tarikan kepada para pelajar untuk terus mendalami dan mempelajari sejarah dan tamadun. Meminggirkan subjek ini adalah merugikan bangsa itu sendiri kerana mereka tidak akan dapat mengambil iktibar dan belajar dari pengalaman peradaban lampau dalam menghindari sesuatu kemungkinan perlu diketahui khususnya dalam proses pembinaan masa hadapan yang lebih global dan interaktif.

## **2.0 AMALAN SEMASA PEMBELAJARAN SEJARAH DAN TAMADUN**

Berdasarkan kepada suasana pendidikan negara, subjek sejarah merupakan mata pelajaran teras dalam Kurikulum Berpanduan Sekolah Menengah (KBSM) yang wajib dipelajari oleh semua murid secara berterusan selama lima tahun. Dilihat dalam konteks P&P pula, pembelajaran Sejarah perlu lebih kreatif

semasa menyampaikan teknik pengajarannya (Noor Hisham Md Nawawi, 2011). Malahan pengajaran guru, mestilah sesuai dengan keupayaan dan kebolehan pelajar. Guru perlu melibatkan pelajar secara aktif dalam proses P&Pnya (Mohd. Syarifudin Abdullah et.al, 2005). Pendekatan guru menyampaikan maklumat secara total perlu dihapuskan. Pendekatan kepada corak tradisional dan "chalk and talk" sudah tidak relevan dengan kehendak pelajar hari ini. Kajian Rohana Zubir (1987) dalam kajian Ahamad bin Rahim (2012) mendapati ramai pelajar memberi respons tidak berminat kerana Sejarah di anggap "the dead of curriculum". Malahan Khoo Kay Kim seorang tokoh Sejarah tanahair dalam Berita Minggu 26 Mac 1995 turut menjelaskan kelonggaran dan kerapuhan metodologi dan gaya pengajaran guru menyebabkan pelajar kurang berminat terhadap proses pembelajaran dalam bilik darjah.

Keadaan ini perlu di atasi dan sepatutnya subjek sejarah boleh dijadikan subjek yang mampu menjadi daya tarikan serta dapat menjelaskan mengenai konsep kepelbagaian budaya dan masyarakat seluruhnya. Kini penekanan konsep budaya ini ditekankan dalam sistem pembelajaran abad ke 21. Khususnya untuk memupuk etika dan kerohanian dalam diri setiap pelajar bagi mendepani cabaran yang akan ditempuh dalam kehidupan dewasa, agar mereka boleh menyelesaikan konflik secara harmoni, bijak membuat pertimbangan, berpegang kepada prinsip ketika berada dalam situasi yang kritikal serta berani melakukan sesuatu yang betul (Ab Halim Tamuri, 2017).

Jelas, kini pelajar lebih berminat jika mereka turut dilibatkan dalam P&P guru. Keadaan ini akan memberi impak yang lebih berkesan ke arah mencapai matlamat pendidikan Sejarah itu sendiri. Pembelajaran akan berlaku apabila apa yang diajar itu memberi makna kepada pelajar (Caine & Caine 1994). Ini terbukti dalam kajian yang dilakukan oleh Jin & Cortazzi (1998) mendapati pelajar-pelajar Inggeris menyatakan ciri-ciri guru yang baik adalah mereka yang boleh meningkatkan minat pelajar, menerangkan sesuatu dengan jelas, menggunakan kaedah pengajaran yang berkesan dan memberi aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan (Ahamad bin Rahim & Sidek bin Said, 2012).

Di peringkat Institusi pendidikan Tinggi pula, subjek sejarah dikenali sebagai Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Kursus ini merupakan kursus generik yang wajib diambil oleh semua pelajar di universiti tanpa mengira perbezaan latarbelakang. Dalam konteks ini, tanggungjawab untuk menyampaikan isi kandungan kursus ini adalah sangat besar dan berat

walaupun kursus ini bertaraf generik (Osman Bakar, 2009). Terdapat pelajar yang beranggapan kursus ini mudah untuk dipelajari berdasarkan pengalaman pelajar-pelajar lain. Tanggapan sedemikian menyebabkan mereka mengambil kursus ini secara sambil lewa dan tidak meletakkan komitmen yang tinggi untuk memahami kepentingan kursus.

Subjek TITAS merupakan subjek wajib universiti di setiap Universiti Awam (UA) dan Universiti Swasta (US) di Malaysia. Arahan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mewajibkan subjek TITAS sebagai kursus wajib universiti di negara ini merupakan langkah tepat dan sesuai dengan konsep universiti sebagai pembekal ilmu untuk membentuk hati budi pelajar. Pelaksanaan kursus TITAS di UA dan US adalah selari dengan aspirasi negara yang peka terhadap perubahan semasa bagi menghasilkan kurikulum terkini yang diperlukan negara, kehendak pasaran dan jati diri pelajar. Ia telah digubal oleh Jawatankuasa Penggubal Kursus TITAS yang dianggotai oleh wakil-wakil UA tempatan melalui pelbagai pendekatan sesuai dengan nature setiap UA dan US.

### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dilakukan secara deskriptif kuantitatif daripada maklum balas yang diterima daripada responden yang dipilih secara rambang melalui instrument berbentuk borang soal selidik. Ia akan menjawab objektif utama kajian ini iaitu untuk mengetahui respon dan penerimaan pelajar berkaitan dengan penawaran subjek sejarah dan tamadun. Selain itu pengalaman dan respon pelajar berkaitan subjek sejarah serta analisis berkenaan kepentingan penggunaan teknologi pengajaran turut dibincangkan.

### **4.0 HASIL DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Respon Pelajar Terhadap Penawaran Subjek Sejarah dan Tamadun di UTeM**


Jadual 1 menunjukkan taburan responden berdasarkan tahun pengajian responden. Daripada 62 responden, seramai 50 orang (80.6%) responden terdiri daripada Tahun 1, 11 orang (17.7%) terdiri daripada Tahun 2 dan 1 orang (1.6%) daripada Tahun 3. Jadual ini turut menjelaskan lagi pernyataan yang menunjukkan taburan responden berdasarkan tahun. Keadaan ini menjelaskan

bahawa kebiasaannya pelajar akan mengambil subjek sejarah dan tamadun pada tahap awal tahun pengajian mereka.

Jadual 1: Taburan responden berdasarkan tahun

	Kekerapan	Peratus
1	50	80.6
2	11	17.7
3	1	1.6
Jumlah	62	100

Berdasarkan kepada survey yang dibuat pengkaji mendapati bahawarespon dan penerimaan pelajar berkaitan dengan penawaran subjek sejarah dan tamadun adalah sebagaimana rajah 1 di bawah,




Rajah 1: Respon pelajar terhadap penawaran subjek sejarah

Merujuk kepada Rajah 1, maklum balas responden menampakkan bahawa pelajar mengetahui bahawa subjek sejarah dan tamadun adalah subjek wajib universiti yang diperkenalkan oleh peringkat atasan (*top down management*). Pelajar juga turut mengetahui bahawa subjek ini adalah subjek yang perlu atau wajib lulus. Berdasarkan kepada survey yang dilakukan juga, pengkaji mendapati bahawa pelajar juga tahu kenapa subjek ini perlu ditawarkan dan dipelajari oleh mereka. Lebih 90 % pelajar mengetahui keadaan ini dan hanya lebih kurang 6.4 % sahaja pelajar yang kurang mengambil tahu berkaitan mengapa subjek sejarah dan tamadun perlu dimasukkan dalam kurikulum pembelajaran mereka. Malah lebih 88 %pelajar tahu mengenai kepentingan subjek sejarah dan tamadun dalam kehidupan mereka sehari-harian, begitu juga untuk keperluan pada masa akan datang.

Pilihan subjek Tamadun Islam & Tamadun (TITAS) sebagai mata pelajaran wajib tidak boleh dianggap sebagai satu isu atau subjek yang membebankan tetapi pilihan yang tepat untuk memupuk semangat kenegaraan, patriotisme dan perpaduan serta memacu pembangunan negara. Berkaitan dengan isu penggunaan bahasa ianya jelas telah dinyatakan mengenainya, yang mana seluruh Universiti Awam (UA) diwajibkan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya. Manakala di Universiti Swasta (US) pula telah dirujuk di bawah akata 555 (Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996) membenarkan US mengajar dalam Bahasa lain yang perlu dipohon. Berdasarkan beberapa kajian (S. Salahudin Suyurno, Mashita Abu Hassan, Azizon Salleh, 2004; Norharidawati Roni, 2001), turut menjelaskan bahawa pengajaran kursus TITAS amat relevan dan penting bagi membuka minda pelajar dalam menghadapi realiti dan isu-isu semasa. Keadaan ini turut disedari oleh pelajar, yang mana berdasarkan kepada soalselidik yang dijalankan lebih 80% pelajar tahu bahawa subjek ini boleh membantu mereka dalam menambahkan pengetahuan semasa dan hanya segelintir pelajar sahaja iaitu sebanyak 17% yang kurang mengambil tahu keadaan ini.


#### **4.2 Respon Pelajar Terhadap Keperluan Penggunaan Teknologi Dalam P&P Sejarah dan Tamadun**

Berdasarkan kepada soalselidik yang telah dibuat, pengkaji cuba mendapatkan respon pengalaman pelajar ketika mempelajari subjek sejarah dan tamadun. Kajian ini juga menerangkan taburan responden mengenai pengalaman pelajar, belajar sejarah dengan menggunakan bahan teknologi pengajaran yang digunapakai.



Rajah 2: Analisa pengalaman pelajar mempelajari subjek sejarah dan tamadun

Merujuk kepada data yang diperolehi dalam rajah 2, dapatlah dirumuskan bahawa pengalaman pelajar mempelajari subjek sejarah dan tamadun memerlukan kepada bantuan alatan teknologi bagi menarik minat para pelajar memahami subjek sejarah dengan berkesan. Menurut Nik Mustafa Nik Hassan et.al (2004) pengajaran kursus sejarah & tamadun mestilah diolah supaya relevan dengan disiplin ilmu para pelajar, bagi menarik minat mereka, di samping menyumbang kepada pengkayaan penguasaan ilmu dalam bidang yang mereka pelajari. Data dalam rajah 2 di atas turut menjelaskan bahawa kaedah pembelajaran secara tradisional agak rendah tahap pemahaman pelajar mempelajari sejarah berbanding dengan pemahaman berbantuan alatan teknologi. Peratusan peningkatan pelajar boleh dijelaskan sebagaimana dalam rajah 3 berikut.



Rajah 3: Perbandingan peningkatan tahap pemahaman belajar dalam mempelajari subjek sejarah dan tamadun.

Berdasarkan kepada rajah di atas tahap memahami pelajar dalam mempelajari subjek sejarah ini juga meningkat dari 61.3% kepada 77.9% kerana menggunakan bantuan alatan teknologi. Malah menurut Mustapha Kamal Ahmad Kassim (2015), pembelajaran sejarah seringkali dianggap membosankan dan mengantuk. Ini kerana kaedah penyampaian yang berbentuk syarahan dan sehalu semata mata atau penggunaan buku teks yang kurang menarik. Pembelajaran satu hala juga akan menjadikan pelajar tidak aktif dan tidak dapat menilai tahap kefahaman mereka. Terdapat beberapa kajian lepas yang menekankan keperluan kaedah pembelajaran yang terkini dalam menyampaikan subjek TITAS kepada para pelajar. Antaranya Abd Rashid (2015) pula mencadangkan kaedah yang seiring dengan perkembangan

teknologi hari ini iaitu penggunaan komputer dan internet di samping menggunakan peralatan elektronik lain.

Jelas di sini, perkara utama yang perlu diselesaikan dalam isu subjek sejarah dan tamadun adalah berkaitan dengan kepentingan penggunaan dan aplikasi P&P subjek tersebut yang pastinya memerlukan transformasi kaedahnya. Selain itu, teknik penyampaiannya perlu dikaitkan dengan sistem serta kaedah pengajaran yang lebih berinovatif dan kreatif (Mohd. Martin Abdul Kahar, 2011), mampu mengatasi kebimbangan masyarakat dari terus mengeneipkan dan menganggap ianya subjek terpinggir dalam arus perdana kemajuan pendidikan. Selain dari itu kaedah melalui pemberian tugas, kuiz, ujian dan juga pembacaan masih lagi relevan untuk membantu tahap penguasaan pelajar dalam mempelajari sejarah. Keadaan ini amat perlu diambil perhatian khususnya dalam peredaran dunia moden hari ini yang sentiasa berdepan dengan pelbagai cabaran kehidupan.

## **5.0 KESIMPULAN**

Kepentingan subjek sejarah dan tamadun perlu disebarluaskan kepada seluruh masyarakat. Dengan mengetahui sejarah mahupun tamadun, masyarakat akan lebih menghargai perjuangan lampau dan hasilnya masyarakat akan lebih berhati-hati dalam tindakan mereka menghadapi cabaran semasa khususnya dalam dunia global mahupun digital era kini (Johan @ Eddy Luaran, 2013). Daya tarikan pembelajaran sejarah dan tamadun pula perlu selari dengan perkembangan semasa teknologi, supaya ia sentiasa mendapat tempat dan perhatian masyarakat seluruhnya. Gabungan kurikulum sedia ada dengan perkembangan teknologi terkini akan menghasilkan satu impak besar dalam kalangan pelajar, sekaligus merubah persepsi mereka terhadap pembelajaran sejarah itu sendiri. Dunia pendidikan hari ini sentiasa berubah mengikut keperluan semasa masyarakat lebih-lebih lagi dalam mendepani arus pembelajaran abad ke-21. Apa yang kita inginkan adalah kita mampu untuk melahirkan insan yang terdidik, generasi berkualiti dan berdaya saing serta hidup dalam negara maju dalam suasana yang sejahtera dan harmoni.



## **PENGHARGAAN**

Kami mengucapkan terima kasih kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka khususnya Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan serta kumpulan penyelidikan di bawah Centre of Technopreneurship Development (C-TED) iaitu Sustainable Industrial Community (SICOMM) yang memberi kerjasama bagi menjayakan kertas kerja ini.

## **RUJUKAN**

- Ab Halim Tamuri, Nur Hanani Hussin. (2017). *Pembelajaran Abad ke-21 Dalam Kepelbagaian Budaya: Harapan dan Cabaran-Ucaputama Seminar Pedagogi Antarabangsa ke 8*. IPG Khas Kuala Lumpur, Universitas Pendidikan Indonesi dan KUIS.
- Abd Rashid bin Abd Halim @ Jaafar. (2015). *Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Pelajar-Pelajar Jurusan Kejuruteraan Teknologi di Universiti Kuala Lumpur – Malaysian Spanish Institute*. p 552-527.
- Ahamad bin Rahim, Sidek bin Said. (2012). *Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Menengah Rendah Di Malaysia – Satu Penilaian*.
- Johan @ Eddy Luaran. (2013). *Perkembangan, Cabaran dan Aplikasi Teknologi Maklumat dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Malaysia*.
- Mohd. Martin Abdul Kahar, Laporan Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM Bengkel Training of Trainers TITAS Siri 1/2011 (ToT TITAS 2011).
- Mohamad Khairi bin Haji Othman. (2004), Keberkesanan Pengajaran Kursus TITAS 1: kajian di university teknologi Mara, Shah Alam. *Jurnal Usuluddin, Bil 20*, p 159-184.
- Mohd. Syariefudin Abdullah, Misnan Jemali dan Samri Sainuddin. (2005). *Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran TITAS*.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghadafi Hanafiah, Yusmilayati Yunos, Norizam Jamian. (2017). *Generasi Z dan Warisan Budaya, Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. Akademi Pengajian Melayu, UM.
- Mustapha Kamal bin Ahmad Kassim. (2015). *Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Tamadun Islam Di Institut Pendidikan Guru Malaysia Di Lembah Klang: Kajian Kaedah Dan Keberkesanannya*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

- Nik Mustapha Haji Nik Hassan. (2004). *Pembangunan bersepadu: Suatu Pendekatan Menyeluruh*.
- Noor Hisham Md Nawi. (2011). *Pengajaran dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-Konsep dan Pembelajaran UKM 2011*.
- Osman Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad. (2009). *Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sufean Hussin. (2002). *Dasar Pendidikan Progresif: Perspektif Makro dan Mikro*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributers Sdn Bhd.
- Umi Kalthom Mahbib, Ahmad bin Esa. (2014). *Kaedah Koperatif Sebagai pilihan Kelas Abad 21: Sorotan Literatur*.